

*BAB PERTAMA*

---

*PENGENALAN*

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Sistem Mata wang Dinar merupakan salah satu cabang daripada sistem kewangan Islam yang merangkumi segala bentuk yang berkaitan dengan wang, seperti peredaran mata wang, dan pembiayaan pelaburan yang berlandaskan sistem yang dibolehkan syarak serta bebas daripada unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam seperti riba dan sebagainya.

Apabila kita menyelongkar maksud sebenar sistem mata wang Islam daripada sumber kewangan Islam tadi, didapati bahawa sistem mata wang Islam hanya berkisar mengenai segala apa yang berkaitan dengan mata wang. Mengikut sistem ekonomi moden, wang tergolong dalam perbicaraan mengenai makroekonomi. Walau bagaimanapun, kita perlu melihat wang dari sudut Islam, yang dapat membantu kita untuk mengenali secara dekat lagi sistem mata wang Islam.

Krisis kewangan yang menyerang Asia bermula pada Mei 1997 telah membuka mata negara-negara yang mengalaminya seperti Thailand dan Indonesia. Malaysia juga tidak ketinggalan mengalami krisis yang sama setelah sekian lama berada pada kadar pertukaran RM2.5 berbanding dengan US\$1 Amerika, mengalami kejatuhan nilai yang teruk sehingga ke paras RM5

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Sistem Mata wang Dinar merupakan salah satu cabang daripada sistem kewangan Islam yang merangkumi segala bentuk yang berkaitan dengan wang, seperti peredaran mata wang, dan pembiayaan pelaburan yang berlandaskan sistem yang dibolehkan syarak serta bebas daripada unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam seperti riba dan sebagainya.

Apabila kita menyelongkar maksud sebenar sistem mata wang Islam daripada sumber kewangan Islam tadi, didapati bahawa sistem mata wang Islam hanya berkisar mengenai segala apa yang berkaitan dengan mata wang. Mengikut sistem ekonomi moden, wang tergolong dalam perbicaraan mengenai makroekonomi. Walau bagaimanapun, kita perlu melihat wang dari sudut Islam, yang dapat membantu kita untuk mengenali secara dekat lagi sistem mata wang Islam.

Krisis kewangan yang menyerang Asia bermula pada Mei 1997 telah membuka mata negara-negara yang mengalaminya seperti Thailand dan Indonesia. Malaysia juga tidak ketinggalan mengalami krisis yang sama setelah sekian lama berada pada kadar pertukaran RM2.5 berbanding dengan US\$1 Amerika, mengalami kejatuhan nilai yang teruk sehingga ke paras RM5

berbanding US\$1<sup>1</sup>. Berbeza dengan penghujung 1996, pertumbuhan ekonomi Malaysia hampir 8.5 peratus, sehingga awal 1997 total perdagangan antarabangsa Malaysia menjangkau US\$158 bilion, dan menjadi antara 18 negara pengekspor terbesar dunia menurut perangkaan WTO.<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, Malaysia mengambil langkah bijak dengan menambat ringgit kepada RM3.8 pada kadar US\$1 dolar Amerika. Malaysia juga bertuah kerana tidak menerima pakej pinjaman daripada IMF, kerana pakej tersebut lebih kepada untuk menganiaya negara yang mendapat pinjaman daripadanya. Ramai pakar ekonomi berpendapat bahawa krisis yang berlaku di Asia adalah akibat daripada spekulasi dan manipulasi mata wang di pasaran antarabangsa. George Soros dikatakan orang yang terlibat menjadi penyangak mata wang sehingga menjadikan negara terlibat hilang kekayaan mereka 'atas angin'.

Bermula dari sinilah Malaysia mula memikirkan satu alternatif baru yang boleh mengelakkan daripada krisis tersebut daripada terus berlaku. Cadangan yang dipelopori oleh Perdana Menteri Malaysia sendiri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah supaya dilaksanakan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa. Pelaksanaan sistem mata wang dinar tidak melibatkan pertukaran mata wang negara daripada ringgit kepada dinar, tetapi cadangan pada peringkat permulaannya adalah untuk dilaksanakan oleh negara Islam dalam perdagangan dua hala (*Bilateral Payment Arrangement-BPA*). Setelah berjaya, ia akan

---

<sup>1</sup> Sila Lihat <http://www.muslimlawyers.net/news/index.php3?aktion=show&number=177> 22 Mei 2003.

<sup>2</sup> Mahathir Mohamad (2000), *The Malaysian Currency Crisis How and Why It Happen*, Subang Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., h. 10.

diteruskan dengan perdagangan pelbagai hala (*Multilateral Payment Arrangement-MPA*).

Walau bagaimanapun, jika projek tersebut berjaya diterapkan oleh negara Islam, ia mungkin akan menjadi satu mekanisme utama digunakan untuk rantau Asia. Sistem mata wang dinar merupakan agenda yang terpenting abad ini kerana sistem kewangan sekarang sudah tidak mampu untuk memberikan keadilan. Sistem mata wang dinar ternyata dapat mengembalikan semula keadilan terutamanya terhadap negara-negara miskin dan membangun, yang sudah lama ditindas oleh sistem kapitalis. Dengan pelaksanaan sistem mata wang dinar juga sebagai perintis ke arah kegemilangan semula sistem kewangan Islam sebagaimana yang telah berlaku 1400 tahun yang lalu.

## **1.2 LATAR BELAKANG DAN KENYATAAN MASALAH KAJIAN**

Sistem kewangan antarabangsa yang telah berlangsung sekian lama adalah bermula dengan Sistem Piawai Emas 1870, Sistem Bretton Woods 1944 dan Sistem Fleksibiliti terurus yang masih diamalkan sehingga ke hari ini. Sistem kewangan antarabangsa sekarang ternyata tidak mampu untuk membawa keadilan yang hakiki, melainkan hanya menguntungkan negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Berdasarkan kepada ketidakadilan yang terbit daripada sistem ini, satu alternatif baru yang lebih menjamin keadilan perlu diterap dalam sistem kewangan antarabangsa.

Malaysia termasuk di dalam negara yang mengalami krisis yang teruk pada tahun 1997 yang lalu, menyaksikan ringgit Malaysia menjunam ke paras RM5 berbanding US\$1 dolar Amerika. Akibat daripada krisis ini, Malaysia terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM9 bilion di pasaran antarabangsa.<sup>3</sup> Hal yang demikian berlaku akibat daripada permainan spekulator mata wang dan manipulasi terhadap mata wang negara. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru agar dihentikan segala bentuk urusan spekulatif di pasaran antarabangsa. Ini juga berlaku akibat daripada pasaran hadapan dan SWAP mata wang yang diamalkan di pasaran antarabangsa.

Oleh yang demikian, Malaysia mencadangkan agar sistem mata wang dinar dilaksanakan dalam perdagangan antarabangsa dan mengurangkan pergantungan terhadap dolar AS dalam perdagangan. Ini kerana banyak negara termasuk Malaysia menjadikan dolar sebagai sandaran utama dalam perdagangan antarabangsanya. Hal yang demikian menyebabkan dolar menjadi hegemoni utama di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan yang timbul dalam proses pelaksanaan sistem mata wang dinar, antaranya:

- 1- Mata wang dinar merupakan mata wang Islam yang diamalkan sejak zaman nabi S.A.W lagi sebagai media utama dalam transaksi masyarakat pada masa itu. Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah sistem mata wang dinar memenuhi spesifikasi untuk dijadikan sebagai alternatif utama, dan mampu untuk membawa keadilan terhadap negara-negara yang

---

<sup>3</sup> Sila Lihat Koleksi Diskusi Isnet di [http://www.isnet.org/achieve-milis/achieve\\_98/jul98.html](http://www.isnet.org/achieve-milis/achieve_98/jul98.html), 22 Mei 2003.

menerima pelaksanaannya dalam pembayaran perdagangan antarabangsa. Adakah ia menepati prinsip-prinsip keadilan yang ingin diterapkan dalam sistem kewangan Islam.

- 2- Walaupun sejarah telah membuktikan kemampuannya menjadi elemen utama dalam transaksi masyarakat pada masa itu, namun adakah ianya sesuai untuk diterapkan pada zaman moden. Kajian ini juga melibatkan persoalan sejarah terhadap mata wang itu sendiri bermula daripada sebelum kedatangan Islam sehinggalah kepada sekarang. Justeru apakah konsep yang ingin diterapkan pada zaman sekarang melalui roh dinar yang diamalkan pada zaman nabi Muhammad S.A.W dahulu.
- 3- Apakah pelaksanaan sistem mata wang dinar mempunyai prospek yang cerah untuk dilaksanakan sekurang-kurangnya pada peringkat permulaan kepada negara-negara Islam. Apakah kemudahan-kemudahan yang sedia ada ataupun yang akan disediakan bagi menjamin pelaksanaannya lancar dan berkesan. Apakah cabaran-cabaran yang mungkin timbul daripada pelaksanaan sistem ini.
- 4- Sejauh manakah komitmen kerajaan untuk menjayakan projek ini, dan apakah pelaksanaannya tidak bertentangan dengan akta-akta yang berkaitan dengan pertukaran dan sebagainya.

Berdasarkan kepada persoalan-persoalan tersebut, satu kajian ilmiyyah perlu dilakukan bagi mencari alternatif yang dapat menyelesaikan krisis mata

wang yang berlaku. Dalam konteks ini, penulis melihat bahawa sistem mata wang Islam yang berasaskan kepada dinar perlu diketengahkan dan diperkenalkan kepada masyarakat dunia. Ini kerana sistem tersebut sesuai dengan kehendak Islam yang pentingkan keadilan.

Di atas kesedaran bahawa kita perlu kembali kepada sistem kewangan Islam inilah penulis memilih tajuk "*Sistem Mata Wang Dinar : Prospek Pelaksanaan Di masa Kini*", bagi menyelesaikan kemelut kewangan serta melihat sejauh mana pelaksanaannya boleh diterapkan pada masa kini.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilakukan antara lain mengambil kira beberapa objektif utama antaranya ialah:

- 1- Mengkaji sejarah awal kewujudan wang dalam masyarakat, fungsi-fungsi dan ciri-ciri utamanya supaya ia sesuai dijadikan wang. Juga mengkaji apakah yang dimaksudkan dengan mata wang Islam, serta sejarah perkembangan sistem kewangan antarabangsa.
- 2- Menjelaskan tuntutan al-Quran, al-Sunnah dan pendapat ulama supaya menggunakan mata wang Islam, serta menerangkan keistimewaan yang terdapat pada mata wang Islam berbanding mata wang sekarang.

- 3- Mengupas sejauh manakah cadangan pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam pembayaran perdagangan antarabangsa menepati kehendak syarak tanpa menggunakan dinar dalam bentuk fizikalnya.
- 4- Meninjau sejauh manakah prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar di peringkat antarabangsa, dan apakah mekanisme yang sudah ada dan akan diwujudkan dalam proses pelaksanaannya. Di samping itu, mengkaji sejauh manakah pendapat dan pandangan cendekiawan ekonomi Islam semasa terhadap pelaksanaan ini. Begitu juga mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam proses pelaksanaan sistem mata wang dinar.
- 5- Beberapa cadangan dikemukakan supaya pelaksanaan sistem mata wang dinar bukan sekadar kertas cadangan, tetapi ianya satu realiti yang akan menjadi satu sistem yang agung menjamin keadilan dunia seagat.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Memandangkan Sistem Mata Wang Dinar merupakan antara komponen utama dalam sistem kewangan Islam, dan menjadi khazanah Islam yang pernah menjadi peneraju utama dalam sistem kewangan dunia, maka kajian ini dibuat bagi mengetahui secara mendalam dan terperinci apakah yang dimaksudkan dengan sistem mata wang Islam yang berasaskan dinar itu. Ia juga mengkaji sejauh mana sistem ini dapat dipraktikkan semula pada masa sekarang sebagai teknik baru untuk pembayaran perdagangan antarabangsa, khususnya bagi negara-negara Islam bagi mengimbangi hegemoni dolar AS. Antara kepentingan kajian ini ialah :

- 1- Keutamaan kajian ialah bagi membuktikan bahawa sistem mata wang sekarang tidak dapat menjamin keadilan terhadap dunia, sebagai alternatifnya sistem mata wang dinar dicadangkan khususnya kepada negara Islam.
- 2- Kajian ini sebagai mencari jalan penyelesaian terhadap krisis mata wang sekarang, yang menjadi masalah utama kepada negara-negara membangun dan miskin. Ia juga mengetengahkan keistimewaan sistem mata wang dinar berbanding sistem mata wang kertas sekarang yang bersandarkan kepada dolar AS.
- 3- Oleh kerana cadangan penggunaan dinar adalah untuk perdagangan antarabangsa sahaja, kajian ini perlu bagi melihat prospek pelaksanaannya dengan melihat aspek-aspek positif ke arah pelaksanaannya.
- 4- Kajian ini juga bertujuan memberi kesedaran dan keyakinan kepada umat Islam sendiri mengenai sistem mata wang dinar adalah alternatif terbaik untuk mengatasi segala masalah ekonomi dan kewangan seperti riba, gharar, spekulasi dan manipulasi mata wang.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Ruang lingkup kajian ini adalah menumpukan kepada prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar bagi pembayaran perdagangan antarabangsa sebagaimana yang dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Ini

kerana menurut kajian, kejatuhan mata wang dan krisis yang melanda Malaysia adalah berpunca daripada mata wang kertas itu sendiri yang tidak mempunyai nilai intrinsik serta menjadi subjek spekulasi dan manipulasi.

Justeru, kajian ini menumpukan kepada prospek pelaksanaannya dengan melihat kepada aspek-aspek sejarah mata wang, serta kelebihan sistem mata wang dinar dalam perdagangan antarabangsa berbanding dengan pergantungan terhadap dolar AS sekarang. Kajian ini juga melihat segala bentuk prasarana-prasarana yang telah disediakan dan akan disediakan bagi merealisasikan pelaksanaan sistem mata wang dinar, dengan mengambil kira pandangan dan pendapat ahli-ahli ekonomi Islam semasa.

#### **1.6 ULASAN PENULISAN (*REVIEW OF LITERATURE*)**

Secara umumnya kajian penyelidikan yang melibatkan bidang kewangan Islam khususnya berkenaan dengan sistem mata wang Islam berasaskan dinar adalah begitu terhad. Tambahan pula apabila sistem mata wang Islam dicadangkan untuk penggunaan di peringkat antarabangsa sebagai instrumen pembayaran perdagangan. Keadaan ini berbeza dengan penggunaan mata wang dinar dalam bentuk fizikalnya sebagai transaksi. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini terdapat beberapa kajian khusus yang membincangkan mengenai mata wang dinar sama ada melalui buku, kertas kerja seminar dan artikel.

Antara penulisan yang menyentuh tentang isu mata wang dinar ialah buku yang ditulis oleh Ahamed Kameel Mydin Meera.<sup>4</sup> Beliau menekankan kepada masalah wang dan sistem kewangan sekarang yang menjadi punca segala masalah yang dihadapi sekarang melalui wang fiat dan kesan sosio-ekonomi hasil daripada penggunaannya. Selepas menyatakan masalah kewangan sekarang, beliau menyatakan bagaimana untuk kembali semula kepada sistem pembayaran berasaskan emas sebagaimana dinar emas. Dalam bukunya juga menjelaskan implikasi terhadap penggunaan sistem mata wang dinar dan prospek masa depan terhadap pelaksanaannya.

Walau bagaimanapun, beliau menyentuh masalah prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar secara ringkas, namun penulisan ini boleh dijadikan rujukan utama bagi memahami bagaimana operasi sistem mata wang dinar dalam konteks semasa sebagai mekanisme pembayaran perdagangan antarabangsa pada era globalisasi.

Di dalam *Proceedings of the 2002 International Conference on Stable and Just Monetary System* yang disunting oleh Ahamed Kameel Mydin Meera,<sup>5</sup> Mengandungi sejumlah kertas kerja seminar persidangan antarabangsa mengenai stabiliti dan sistem kewangan tunggal yang dilangsungkan pada 19 dan 20 Ogos 2002, bertempat di PWTC, Kuala Lumpur. Di dalam buku ini mengandungi 18 kertas kerja, dan antara yang berkaitan dengan mata wang dinar ialah, *Gold Dinar*,

---

<sup>4</sup> Ahamed Kameel Mydin Meera (2002), *The Islamic Gold Dinar*, Subang Jaya : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.

<sup>5</sup> *Proceedings of the 2002 international Conference on Stable and Just Monetary System* (2002), Ahamed Kameel Mydin Meera (ed), Kuala Lumpur : International Islamic University Malaysia (IIUM).

Artikel tersebut mengetengahkan definisi sebenar wang dan fungsinya, serta sejarah penggunaan emas dan perak sebagai mata wang. Akhir sekali beliau menjelaskan kepentingan emas sebagai perantaraan dalam pertukaran menurut perspektif Islam dengan membawa pendapat dan pandangan tokoh ulama klasik. Manakala Hifzur Rab<sup>6</sup> mengupas mengenai kelebihan mata wang dinar Islam yang berperanan sebagai mata wang yang adil berbanding dengan wang fiat yang terdedah kepada susut nilai dan inflasi.

Saiful Azhar Rosly dan Emad Rafiq Barakat<sup>7</sup> menghuraikan dalam kertas kerjanya mengenai sejarah mengenai mata wang Islam dan mengupas idea-idea daripada al-Maqrīzī mengenai mata wang Islam. Manakala Mohamed Aslam Haneef dan Emad Rafiq Barakat<sup>8</sup> mengemukakan pendapat ulama-ulama klasik, sama ada wang itu daripada dinar dan dirham ataupun sebaliknya. Setelah memperincikan pendapat-pendapat ulama, beliau menegaskan bahawa penggunaan mata wang dinar dan dirham bukanlah satu prinsipal, dan menyatakan bahawa emas bersifat stabil berbanding komoditi lain. Walau bagaimanapun, untuk kembali kepada sistem tersebut perlu melihat kepada aspek ekonomi, kewangan dan pentadbiran.

---

<sup>6</sup> Hifzur Rab (2002), "Problems Created by the Fiat Money, Islamic Dinar and Other Available Alternatives", dalam Ahamed Kameel Mydin Meera (ed), *Ibid*, h. 91-121.

<sup>7</sup> Saiful Azhar Rosly *et al* (2002), "The Economic Thought of Al-Maqrizi : The Role of the Dinar and Dirham as Money," *Ibid*, h. 123-137.

<sup>8</sup> Manakala Mohamed Aslam Haneef *et al* (2002) "Gold and Silver as Money : A Preliminary Survey of Fiqhi Opinions and Their Implications," *ibid*, h. 139-149.

Ahamed Kameel Mydin Meera dan Hassanuddeen Abdul Aziz<sup>9</sup> menekankan kesan sosio-ekonomi melalui penggunaan wang fiat dan dinar Islam, juga menjelaskan kepentingan teknologi maklumat dalam penggunaan mata wang dinar masa kini. Prospek dan cabaran pelaksanaannya juga dimuatkan dalam kertas kerja tersebut. Muhammad Mazhar Iqbal<sup>10</sup> pula membuat kajian mengenai kerangka kewangan antarabangsa dengan membuat perbandingan di antara standard piawai emas dan dinar Islam.

Dalam kertas kerja Abdul Halim Abdul Hamid dan Norizaton Azmin Mohd Nordin<sup>11</sup> pula menekankan impak pelaksanaan dinar dan dirham kepada perniagaan dan industri perbankan. Ia menerangkan dilema yang dihadapi oleh bank konvensional, ini kerana dinar dan dirham membawa lepaada ekonomi yang sebenar berbeza dengan wang fiat. Manakala Jalalullail Othman<sup>12</sup> menekankan kepada aplikasi undang-undang terhadap pelaksanaan sistem mata wang dinar, serta menjelaskan mekanisme yang sedia ada bagi memudahkan pelaksanaannya sama ada melalui jaringan internet dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya terbatas kepada faktor perundangan di Malaysia dan pelaksanaannya menurut perspektif sektor swasta. Namun ianya menjadi rujukan yang penting berkaitan dengan hal yang berkaitan dengan perundangan dalam usaha untuk melaksanakan sistem mata wang dinar.

---

<sup>9</sup> Ahmed Kameel Mydin Meera *et al* (2002), "The Islamic Gold Dinar : Socio-economic Perspectives," *Ibid*, h. 151-175.

<sup>10</sup> Muhammad Mazhar Iqbal (2002), "International Financial Architecture : A Comparison of Gold Standard and Islamic Dinar," *Ibid*, h. 177-208.

<sup>11</sup> Abdul Halim Abdul Hamid *et al* (2002), "Dinar and Dirham Effect on the Banking Business and its Solution," *Ibid*, h. 235-250.

<sup>12</sup> Jalalullail Othman (2002), "Application of the Existing Laws and Regulations in Malaysia Relating to the Proposal Usage and Implementation of the Dinar from a Private Sector Perspective," *Ibid*, h. 251-279.

Kertas kerja Mohd. Ma'sum Billah<sup>13</sup> pula melihat kesesuaian politik dan peraturan memperkenalkan dinar Islam. Beliau juga mengemukakan masalah wang kertas dalam realiti sosio-ekonomi dan kelebihan sistem mata wang dinar. Manakala Umar Ibrahim Vadillo<sup>14</sup> mengkaji mengenai kerangka ekonomi dinar menurut perspektif akademik dengan menjelaskan maksud sebenar dinar emas Islam dan melihat pasaran Islam dalam perdagangan antarabangsa. Berbeza dengan kajian yang dibuat oleh Muhammad Anwar<sup>15</sup> yang menjelaskan perbandingan di antara Euro dan dinar emas, serta menyatakan kelebihan terhadap kesatuan mata wang dengan menjadikan Euro sebagai model kesatuan mata wang yang berjaya.

Berdasarkan kepada kertas kerja yang tersebut, setiap fakta yang dibentangkan saling melengkapi di antara satu sama lain. Secara umumnya, ia tidak menjelaskan secara terperinci model dan mekanisme yang akan digunakan dalam pelaksanaan sistem mata wang dinar di peringkat antarabangsa.

Dalam Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan bertemakan "Dinar Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah", yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 16 Mac 2002. Beberapa kertas kerja mengenai mata wang dinar telah dibentangkan, antaranya Amat @Anwar Hj. Zainal Abidin<sup>16</sup> menekankan sejarah mengenai mata wang yang bermula daripada sebelum Islam

---

<sup>13</sup> Ma'sum Billah (2002), "Possible Political and Regulatory Issues of Introducing the Islamic Dinar," *Ibid*, h. 321-333.

<sup>14</sup> Umar Ibrahim Vadillo (2002), "The Architecture of the Gold Dinar Economy: An Academic Perspective," *Ibid*, h. 335-360.

<sup>15</sup> Muhammad Anwar (2002), "Euro and Gold Dinar: A Comparative Study of Currency Unions," *Ibid*, h. 361-383.

<sup>16</sup> Amat @Anwar Hj. Zainal Abidin (2002), "Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar," (Kertas Kerja Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan "Dinar Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah" dianjurkan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), 16 Mac 2002).

sehinggalah munculnya dinar Islam. Berbeza dengan Muhammad Muda<sup>17</sup> yang menghuraikan sistem pertukaran mata wang dengan menekankan kepada sejarah sistem kewangan antarabangsa. Manakala Umar Azmon Amir Hassan<sup>18</sup> pula mengemukakan hakikat sebenar mata wang kertas yang menjadi alat perhambaan dan membandingkannya dengan dinar emas.

Kajian-kajian dalam kertas kerja tersebut hanya menghuraikan secara ringkas mengenai sejarah mata wang dan penggunaan mata wang dinar di peringkat antarabangsa. Ia tidak menjelaskan secara terperinci operasi dinar dan mekanisme-mekanisme yang digunakan untuk menjadikan dinar sebagai alat pembayaran perdagangan antarabangsa.

Ugi Suharto<sup>19</sup> dalam kertas kerjanya menyatakan pandangan ulama Islam terhadap mata wang serta menyatakan penyokong dan penentang kepada piawaian emas, serta menghuraikan kebaikan mata wang dinar berbanding dolar AS. Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani<sup>20</sup> dan Aziuddin Ahmad<sup>21</sup> menekankan penggunaan mata wang dinar di peringkat antarabangsa menurut perspektif perundangan. Beliau juga menjelaskan kesesuaian faktor perundangan dan akta-

---

<sup>17</sup> Muhammad Muda (2002), "Penggunaan Mata Wang Dinar : Kesan dan Implikasi Ke Atas Pembangunan Ekonomi Ummah dan Perdagangan Antarabangsa", *Ibid*.

<sup>18</sup> Umar Azmon Amir Hassan (2002), "Penggunaan Mata Wang Dinar Dalam Era Globalisasi", *Ibid*.

<sup>19</sup> Ugi Suharto (2002), "Dinar Sebagai Asas Pengukuhan Sistem Kewangan Islam di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Kewangan Islam di Universiti Malaya, 18 Jun 2002).

<sup>20</sup> Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani (2003), "The Use of Gold Dinar in Islamic Business and Banking", (Kertas Kerja Seminar Expert Consultation Towards the Promulgation of a More Comprehensive Islamic Business and Banking Laws in Malaysia di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 18-19 Februari 2003).

<sup>21</sup> Aziuddin Ahmad (2002), "Legal Infrastructure for the Implementation of Gold Dinar", ((Kertas Kerja International Seminar "Gold Dinar in Multilateral Trade" di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 22-23 Oktober 2002).

akta yang terlibat terhadap pelaksanaannya, serta tanggungjawab Bank Negara Malaysia.

Begitu juga dengan Nor Mohamed Yakcop<sup>22</sup> menyatakan peranan yang perlu dimainkan oleh Bank Negara serta menghuraikan secara jelas dua mekanisme yang akan digunakan dalam menjadikan mata wang dinar sebagai instrumen pembayaran perdagangan antarabangsa melalui *Bilateral Payment Arrangement (BPA)* dan *Multilateral Payment Arrangement (MPA)*. Penulisan ini menjadi rujukan yang baik untuk memahami proses pembayaran perdagangan dua hala dan pelbagai hala dengan berasaskan kepada sistem mata wang dinar.

Raja Aman Raja Haji Ahmad<sup>23</sup> pula melihat peranan bank-bank komersial untuk memudahkan penggunaan dinar emas dalam perdagangan dua hala dan pelbagai hala di peringkat antarabangsa. Dalam kertas kerja beliau juga menerangkan model dinar emas dalam perdagangan dua hala serta peranan bank-bank komersial dalam mempromosikan penggunaan dinar emas di peringkat global. Shan Saeed<sup>24</sup> pula menegaskan bahawa mata wang dinar mempunyai nilai intrinsik dan keistimewaan yang tersendiri seperti nilai yang stabil, nilai yang tinggi serta tidak dapat dijadikan subjek spekulasi dan manipulasi. Beliau juga menekankan sistem mata wang yang berasaskan dinar adalah penyelesaian kepada krisis kewangan yang timbul sekarang.

---

<sup>22</sup> Nor Mohamed Yakcop (2002), "The Role of Central Banks in the Implementation of the Gold Dinar Proposal", *Ibid*.

<sup>23</sup> Raja Aman Raja Haji Ahmad (2002), "The Role of Commercial Banks in Facilitating the Use of Gold Dinar in Multilateral Trades", *Ibid*.

<sup>24</sup> Shan Saeed (2003), *Gold dinar and the currency crisis*,  
<http://www.dawn.com/2003/04/21/ebc.htm> 19 Mei 2003.

Begitu juga dengan Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh<sup>25</sup> menyatakan penggunaan dinar selain daripada yang disebut di atas, ianya sebagai pemangkin kepada peningkatan jumlah perdagangan di antara negara-negara Islam yang sekarang ini hanya 12 peratus berbanding nilai perdagangan dengan negara bukan Islam yang berjumlah 88 peratus. Beliau juga menegaskan bahawa sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia berhak untuk memilih jalan yang terbaik demi kepentingan ekonominya.

Henry C K Liu<sup>26</sup> memberikan satu penerangan yang jelas bahawa penggunaan dolar AS sekarang sudah tidak relevan lagi, yang mana perdagangan dunia sekarang adalah permainan daripada hegemoni dolar. Oleh itu, beliau mencadangkan satu mekanisme sistem kewangan global baru yang berasaskan kepada nilai benar wang bagi mengurangkan hegemoni dolar terhadap ekonomi global.

Berdasarkan kepada pentingnya sistem kewangan Islam yang berasaskan kepada mata wang dinar emas terhadap ekonomi sejagat, dan kurangnya penyelidikan terbaru terhadap permasalahan krisis kewangan yang bersandarkan kepada sistem Islam, maka penulis mengambil inisiatif untuk membincangkan secara khusus sistem mata wang dinar dan pelaksanaannya di masa kini sebagai instrumen pembayaran perdagangan antarabangsa yang mampu untuk menggantikan hegemoni dolar.

---

<sup>25</sup> Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2002), *Stability factor in dinar's intrinsic value*, <http://www.ikim.gov.my/ar02-nst22.htm>. 22 Mei 2003.

<sup>26</sup> Henry C K Liu (2003), *US dollar hegemony has got to go*, <http://www.atimes.com/global-econ/DD11Dj01.html> 22 Mei 2003.

## **1.7 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Dalam menyiapkan kajian ini penulis menggunakan beberapa metod utama, antaranya ialah :

### **1- Metod Penyelidikan Perpustakaan**

Sebahagian besar data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan. Selain daripada dua sumber utama kajian, iaitu al-Quran dan al-Sunnah penulis banyak menggunakan bahan-bahan perpustakaan dalam menghuraikan mengenai sejarah mata wang. Pengumpulan data adalah penting bagi memahami konsep sistem mata wang Islam sebagai elemen utama yang dapat membawa keadilan global. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Pusat Islam, Kuala Lumpur dan lain-lain lagi.

### **2- Metod Wawancara (Interview)**

Penulis juga menggunakan sumber-sumber premir melalui wawancara dengan cendekiawan ekonomi Islam bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas yang berkaitan dengan isu-isu semasa. Responden wawancara adalah mereka yang mempunyai pengetahuan dalam hal yang berkaitan atau terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan sistem mata wang dinar. Antara mereka yang sempat diwawancara oleh penulis ialah Profesor Madya

Dr. Mohd. Daud Bakar,<sup>27</sup> Profesor Dr. Hj. Abdullah @ Alwi Hj. Hassan,<sup>28</sup> Profesor Madya Dr. Ahamed Kameel Mydin Meera,<sup>29</sup> Tuan Hj. Nik Mustapha Hj. Nik Hassan<sup>30</sup> dan Encik Md. Saad Hashim.<sup>31</sup>

Rasionalnya penulis dapat mengumpulkan maklumat yang diperlukan secara langsung, dan pada masa yang sama mendapat maklum balas tentang sebarang masalah yang dihadapi serta prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar di peringkat antarabangsa..

### 1.8 KEKANGAN / LIMITASI KAJIAN

Sepanjang penyelidikan ini dijalankan terdapat beberapa masalah yang dihadapi, antaranya permasalahan mata wang dikategorikan dalam bidang ekonomi yang begitu susah untuk dikaji, ini kerana maklumat atau data-data terkini berkenaan dengan mata wang begitu terhad. Begitu juga para ulamak dulu dan sekarang berbeza pendapat mengenai mata wang.

Kebanyakan data yang didapati ialah mengenai penggunaan dinar secara fizikal sebagai transaksi secara langsung, dan berkaitan dengan sejarah mata wang

---

<sup>27</sup> Beliau merupakan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Jalan Gombak, Kuala Lumpur.

<sup>28</sup> Beliau merupakan pensyarah Jabatan Syariah dan Ekonomi, Fakulti Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, juga merupakan Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>29</sup> Beliau merupakan Ketua Jabatan Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga merupakan penulis buku THE ISLAMIC GOLD DINAR, dan banyak membentang kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem mata wang dinar.

<sup>30</sup> Beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), dan juga Ahli Panel Penasihat Syariah dalam Takaful al-Ikhlas. Beliau banyak menulis artikel-artikel ilmiah yang berkaitan dengan ekonomi dalam jurnal, buku, majalah dan akhbar.

<sup>31</sup> Beliau merupakan Timbalan Ketua Sekretariat (Ekonomi dan Kewangan), Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

dinar yang sudah lama ditinggalkan oleh masyarakat dunia. Berbeza dengan permasalahan yang menjadi kajian penulis iaitu prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar dalam konteks semasa sebagai instrumen pembayaran perdagangan antarabangsa tanpa menggunakan fizikal dinar.

Oleh itu, data dan maklumat terbaru yang berkaitan dengan fokus tajuk ini penulis banyak mendapatkannya daripada sumber-sumber semasa seperti artikel akhbar dan web, kertas kerja seminar serta melalui wawancara dengan cendekiawan ekonomi Islam.

## 1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian penulisan ini dibahagikan kepada lima bab utama, yang mana bab pertama merupakan pengenalan kepada keseluruhan kajian. Ia juga mengandungi latar belakang dan kenyataan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, ulasan penulisan (*review of literature*), metodologi penyelidikan, kekangan/limitasi kajian dan sistematika penulisan.

Manakala bab kedua pula membincangkan definisi wang dan apa yang berkaitan dengannya. Ia juga membincangkan tentang sejarah perkembangan wang sehinggalah kepada wang elektronik, begitu juga tentang sejarah penggunaan mata wang bermula sebelum kedatangan Islam sehinggalah ke hari ini. Perbincangan terakhir dalam bab ini mengenai sistem kewangan antarabangsa yang diamalkan melalui sistem piawai emas, sehinggalah kepada pertukaran terapung yang diamalkan sekarang.

Bab ketiga pula secara khusus membincangkan konsep sistem mata wang Islam yang sebenar sesuai dengan tuntutan daripada al-Quran dan al-Sunnah. Bab ini juga mengupas pendapat ulama-ulama klasik mengenai mata wang dinar, serta keistimewaannya berbanding dengan mata wang sekarang.

Bab keempat pula secara khusus membincangkan fokus utama tajuk kajian, iaitu prospek pelaksanaan sistem mata wang dinar di masa kini. Bab ini juga menjelaskan bagaimana operasi mata wang dinar dalam konteks semasa, pendapat cendekiawan ekonomi Islam semasa dan aspek-aspek positif bagi pelaksanaannya, serta cabaran yang dihadapi dalam proses tersebut.

Bab kelima yang juga merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini merangkumi rumusan dan cadangan penulis berdasarkan kajian yang dibuat selama ini.